

NO. SOALAN: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[PANDAN]**

TARIKH : 18 OKTOBER 2016 [SELASA]

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta PERDANA MENTERI menyatakan semua harta komersial yang dimiliki Tabung Haji di Lembah Klang dan bagi setiap harta tanah disertakan maklumat nilai, kos pembinaan, peratusan ruang yang disewa berbanding kosong dan peratusan pulangan pelaburan tahunan.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji (**TH**) mempunyai sembilan (9) buah harta tanah komersial di sekitar Lembah Klang dengan nilai pasaran melebihi RM1.8 bilion.

Bagi penyewaan pula, bangunan-bangunan komersial tersebut mencatatkan kadar purata penghunian yang baik iaitu melebihi 80 peratus. Ini membuktikan hartanah komersial milik **TH** mampu berdaya saing dengan hartanah-hartanah komersial yang lain walaupun pasaran hartanah semasa adalah sangat kompetitif.

Manakala, pendapatan daripada penyewaan bangunan-bangunan komersial tersebut menyumbang nilai sewaan bersih (*triple net yield*) [dengan izin] sebanyak 6 peratus. Pendapatan yang konsisten daripada penyewaan hartanah-hartanah komersial ini adalah mampan serta berterusan dan ianya menyumbang secara positif ke atas portfolio pelaburan **TH**.

Sekian, terima kasih.